



Berita Audit EAC 15 September


Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Pekan telah menerima Lawatan Penilaian Engineering Accreditation Council (EAC) Virtual Accreditation Visit (VAV) bagi program B. Eng (Hons.) Mechanical Engineering (Kolej Kejuruteraan), B.Eng (Hons.) Civil Engineering (Kolej Kejuruteraan), dan B. Eng (Hons.) Mechatronics Engineering - (Collaboration programme with HsKA, Germany) (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik) pada 15 September 2021.



Lawatan audit secara virtual ini berjalan pada jam 11:30-12:30 tengahari yang telah diadakan bertempat di kedua-dua perpustakaan Pekan dan Gambang. Lawatan ini telah diselenggarakan oleh Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik, Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa. Sesi lawatan ke perpustakaan telah diadakan dalam tempoh satu jam ini berkaitan penerangan dan pembentangan tentang koleksi bercetak, elektronik, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan yang telah disediakan kepada pengguna dan warga UMP.



Lawatan ini didahului dengan Pustakawan Gambang yang memberikan penerangan iaitu Puan Affida Binti Abu Bakar, manakala di perpustakaan Pekan pula dikendalikan oleh Muhammed Fawwaz B. Abdul Rasid. Sesi ini turut dibantu dan dihadiri oleh wakil perpustakaan iaitu Ketua Pustakawan En. Azman Bin Abdul Rahim, dan Puan Aishah Binti Ghani serta Puan Sharifah Nazirah Binti Syed Omar. Disamping itu, Ahli Panel Penilai pula ialah Ir. Prof. Dr. Sivarao A/L Subramonian dan Ir. Zuhayr Bin Md. Ghazaly. Alhamdulillah, lawatan ini berjalan lancar dan semua soalan yang telah ditanya ahli panel berjaya dijawab dengan baik. Semoga objektif dan kriteria Lawatan Penilaian Akreditasi Virtual Audit diadakan ini berjaya mencapai kehendak sebenar panel penilai, InshaAllah.



DONE 14-10-2021

15 September 2021 - Universiti Malaysia Pahang Library (UMP) Pekan campus received a visit from the Engineering Accreditation Council (EAC) Virtual Accreditation Visit (VAV) Assessment Tour for the;

1. B. Eng (Hons) program Mechanical Engineering (College of Engineering),
2. B. Eng (Hons.) Civil Engineering (College of Engineering) and
3. B. Eng (Hons.) Mechatronics Engineering (Collaboration programme with HsKA, Germany) (Faculty of Manufacturing and Mechatronics Engineering Technology)

The virtual audit visit was held at 11:30 am for both Pekan and Gambang libraries. The visit was coordinated by the Centre for Innovation and Academic Competitiveness, Department of Academic and International Affairs. The UMP Library shared information and presentations on its printed collections, electronics, facilities and other library services provided to the users.

The session was presented by the Gambang Librarian, Puan Affida Binti Abu Bakar, while the Pekan library was presented by Muhammed Fawwaz B. Abdul Rasid. The session was also attended by the Chief Librarian. En. Azman bin Abdul Rahim. Deputy Chief Librarian, Puan Hajah Aishah binti Abdul Ghani and Librarian Puan Sharifah Nazirah binti Syed Omar. The Panel of Appraiser was represented by Dr. Sivarao A/L Subramonian and Ir. Zuhayr Bin Md. Ghazaly..

Alhamdulillah, the visit went well and all questions by the panelists have been successfully answered. Hopefully, the objectives and criteria of the Virtual Audit Accreditation Assessment Visit are achieved and UMP is able to fulfill all the requirements set by the panel of Assessors, InshaAllah.

Disediakan oleh Fawwaz Abdul Rasid, SEDAR Pekan